

PRESS – ONLINE

Publication	Luminews.my	Day/Date	Fri, 12 April 2024
Section	News	Pageviews	62,800
Headline	Rusia tidak sertai pameran DSA, NATSEC 2024		
URL	https://luminews.my/news/2106875		



Rusia tidak sertai pameran DSA, NATSEC 2024



KUALA LUMPUR - Rusia tidak akan menyertai Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) dan Pameran Keselamatan Kebangsaan (NATSEC) Asia 2024 yang akan berlangsung dari 6 hingga 9 Mei depan di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC).

Pengarah Eksekutif DSA 2024, Nadzeem Abdul Rahman mengesahkan perkara itu berkata, pihak yang mahu menyertai pameran pertahanan dan keselamatan dwitahunan itu perlu berbuat demikian atas dasar sukarela kerana pihak penganjur tidak mengeluarkan sebarang jemputan.

"Kita mengambil pendekatan tidak menjemput. Mereka perlu voluntary (sukarela). Maksudnya jikalau mereka hendak menyertai (Pameran DSA dan NATSEC Asia 2024), mereka yang meminta untuk menyertainya. Kita tidak akan memaksa atau memohon mereka untuk sertai."